

→ PENGIKTIRAFAN

Mufti Perak terima anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman

BH
4/8/17
MS 3

→ Kerajaan ambil kira pandangan, nasihat tokoh agama

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

Mufti Perak, Tan Sri Dr Harussani Zakaria menyifatkan penerimaan anugerah Tokoh Ulama Sepanjang Zaman sebagai pengiktirafan kepada ulama negara yang sentiasa memberikan pandangan bernas dan nasihat kepada kerajaan.

Beliau berkata, pengiktirafan itu

menunjukkan kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sering mendengar dan mengambil kira pandangan ulama sama ada dalam hal berkaitan agama mahu pun kepentingan umum.

"Alhamdulillah, walaupun ada pandangan saya suatu ketika dahulu mendapat cemuhan dan kritikan pelbagai pihak, akhirnya ia diterima baik, sekali gus memberi manfaat kepada umat Islam hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

ditemui selepas Majlis Perdana Ulama-Umara dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam bersama Perdana Menteri serta Pembentangan Laporan Indeks Syariah Malaysia 2017, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Terima pingat, sijil

Harussani, selaku penerima anugerah itu turut menerima pingat, sijil dan tajaan menunaikan umrah untuk dua orang.

Pada majlis sama, Presiden Per-



Pengiktirafan itu menunjukkan kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sering mendengar dan mengambil kira pandangan ulama sama ada dalam hal berkaitan agama mahu pun kepentingan umum"

Dr Harussani Zakaria,
Mufti Perak

tubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT), Ismail Mina Ahmad dan Timbalan Presiden Aqsa Syarif, Dr Fauziah Mohd Hassan, masing-masing diumumkan Tokoh NGO Lelaki dan Wanita manakala Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Zamabri Mohd Isa, diumumkan Tokoh NGO Belia.

Sementara itu Ismail Mina berkata, kerajaan hari ini tidak pernah mengabaikan peranan NGO dalam usaha memartabatkan agenda

ummah dan sering bekerjasama dalam mengangkat syiar Islam di negara ini.

"Berbanding dahulu, NGO sering kali diketepikan, kami dianaktirikan, tetapi tidak pula di bawah kepemimpinan Datuk Seri Najib apabila beliau ingin kami bersamanya dalam soal agenda Islam," katanya.

Bagi Dr Fauziah pula, beliau amat menghargai dan berterima kasih kepada kerajaan yang dilihat mengiktiraf sumbangan dan peranan wanita di negara ini.